

BN tetap beri pengiktirafan politik kaum Cina, India

UM 12 NOV 2001

PUTRAJAYA 11 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penduduk kaum Cina dan India akan tetap diberikan pengiktirafan politik oleh Barisan Nasional (BN) walaupun jumlah mereka menyusut sedikit.

Perdana Menteri berkata, parti komponen BN tidak perlu bimbang kerana perikatan itu tidak mengamalkan diskriminasi terhadap bukan Melayu, berbeza daripada apa yang dilaksanakan oleh parti pembangkang.

“Kita dalam BN tidak ada masalah kerana kita iktiraf semua kaum dan semua kaum ada dalam BN. Tetapi kita lihat dalam parti lain, walaupun dikatakan parti itu tidak mengambil kira kaum, yang sebenarnya mereka mengamalkan diskriminasi yang cukup ketara terhadap kaum lain,” katanya.

Perdana Menteri yang juga Presiden UM-NO berkata demikian kepada pemberita selepas menyertai perlumbaan berkuda antarabangsa Tunggangan Lasak 2001 anjuran Polis Diraja Malaysia dan Tenaga Nasional Bhd. di Universiti Tenaga Nasional, di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan yang menyatakan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, bimbang kemerosotan jumlah penduduk kaum India dan Cina di negara ini akan menjurus kepada pembubaran parti politik bukan Melayu.

Mengenai tindakan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengajak DAP menyertai semula barisan pembangkang, Dr. Mahathir berkata, tindakan tersebut menandakan parti itu sudah “tidak mempunyai kawan.”

“Dia (Keadilan) nak jemput siapa sahaja, itu dia punya hal (tetapi) nampaknya dia sudah tidak ada kawan, (jadi) dia sedang mencari kawan,” kata Perdana Menteri.

Katanya, pakatan itu berada dalam keadaan tergugat sejak DAP keluar dari barisan pembangkang pada 22 September lalu, lima hari sebelum pilihan raya negeri Sarawak, berikutan rasa tidak puas hati terhadap polisi negara Islam yang diperjuangkan Pas.